



GARIS PANDUAN KRITERIA PELANTIKAN PENSYARAH KONTRAK

Tarikh Kuatkuasa : 1 Oktober 2017
(Minit LPU 13/51/2017)

Seksyen Pelantikan Akademik, Bahagian Perjawatan
Pejabat Pendaftar

KRITERIA PELANTIKAN PENSYARAH KONTRAK

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Pelantikan kontrak bermaksud pelantikan seseorang calon atau pegawai untuk berkhidmat dengan UMT yang diuruskan mengikut Pekeliling Perkhidmatan bagi tempoh tertentu berasaskan kepada syarat perkhidmatan yang dipersetujui.
- 1.2 Pensyarah kontrak dalam konteks ini meliputi pegawai yang dilantik secara sepenuh masa sebagai pensyarah universiti.
- 1.3 Pensyarah kontrak yang hendak diperakukan hendaklah memenuhi syarat pelantikan kontrak seperti mana yang digariskan dalam Surat Pekeliling dan Pekeliling Perkhidmatan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

Calon yang hendak diperakukan pelantikan kontrak perlulah memenuhi kriteria berikut:

2.0 KRITERIA UMUM

Lantikan kontrak boleh dibuat untuk memenuhi keperluan berikut:

- (i) Mengisi lompong bidang untuk program pengajian sedia ada dan perancangan program baharu.
- (ii) Memenuhi keperluan strategik UMT.
- (iii) Menyokong program penyelidikan dalam bidang tujahan.
- (iv) Menyokong perancangan pelan penggantian di PTJ terutamanya yang melibatkan bidang kepakaran khusus.

3.0 KRITERIA KHUSUS

3.1 Kelayakan Akademik Calon

KATEGORI	KESETARAAN GRED LANTIKAN		
	VK5/VK6/VK7	DS53/DS51	DS45
Warganegara	Ph.D atau kepakaran / pengalaman profesional/ industri yang setara	Ph.D / Master	Master
Bukan Warganegara	Ph.D atau kepakaran / pengalaman profesional/ industri yang setara	Ph.D	Tidak berkaitan

3.2 Tempoh Lantikan

- (i) Tempoh setiap lantikan adalah 1 - 2 tahun.
- (ii) Had umur yang ditetapkan adalah tidak melebihi 65 tahun kecuali keperluan khusus dan strategik berdasarkan kepakaran yang dimiliki oleh calon.

3.3 Sasaran Kerja Tahunan (SKT)

- (i) PTJ hendaklah menyediakan SKT dan petunjuk prestasi yang akan dijadikan asas pengukuran pencapaian kerja. SKT tersebut perlu memenuhi keperluan minimum yang ditetapkan di peringkat UMT.
- (ii) PTJ hendaklah menetapkan tugas-tugas khas yang akan dilaksanakan oleh calon.
- (iii) Bagi calon bukan warganegara, tugas-tugas khas perlu merangkumi kerjasama antarabangsa sama ada dalam hal ehwal akademik, pelajar, penyelidikan atau lain-lain bagi mencapai pelan strategik pengantarabangsaan.

3.4 **Sambung Lantik Kontrak**

Calon yang hendak diperaku untuk sambungan kontrak perlu memenuhi syarat berikut:

- (i) Pencapaian LNPT 85% dan ke atas dalam tempoh kontrak.
- (ii) Kepakaran calon menjadi rujukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- (iii) Mencapai tahap minimum bagi setiap kriteria Sasaran Kerja Tahunan (SKT) yang telah ditetapkan.
- (iv) Mencapai sasaran tugas-tugas khas yang ditetapkan.

4.0 **PENETAPAN GAJI**

Penetapan gaji calon adalah ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

- (i) Calon ditawarkan gaji yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan mengambil kira Jadual Gaji Minimum – Maksimum (JGMM) skim berkaitan sebagai panduan. Pertimbangan untuk mendapatkan gaji permulaan lebih tinggi ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melantik berdasarkan pengalaman relevan dan kelayakan khas atau bakat atau;
- (ii) Mana-mana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

5.0 **PIHAK BERKUASA MELANTIK**

Kuasa menimbang pelantikan calon kontrak adalah seperti mana berikut:

Kategori Kesetaraan Gred	Perakuan	Pihak Berkuasa Melantik
VK5/VK6/VK7	JK Pemilih Utama	Lembaga Pengarah Universiti
DS53/DS51/DS45	JK Pemilih Akademik	Mesyuarat Pengurusan Universiti

6.0 **PENAMATAN ATAU PEMENDEKAN TEMPOH KONTRAK**

- 6.1 UMT boleh menamat atau memendekkan tempoh kontrak calon dengan memberikan notis 30 hari atau tempoh yang sesuai.
- 6.2 Calon juga boleh menamat atau memohon untuk memendekkan tempoh kontrak dengan memberikan notis 30 hari atau tempoh yang sesuai.